

MNRB Retakaful Berhad

Penubuhan MNRB Retakaful Berhad (MNRB Retakaful) sebagai sebuah pengendali komposit Takaful Semula (Am dan Keluarga) merupakan satu lagi usaha untuk meletakkan Kumpulan MNRB sebagai peserta penting dalam industri pengurusan risiko di peringkat serantau dan global. Takaful Semula, sektor yang masih dalam peringkat perintis, adalah satu kesinambungan rantaian pengendali insurans yang berlandaskan Syariah. Dengan hanya beberapa peserta pada masa kini, pembentukan MNRB Retakaful membolehkan Kumpulan MNRB memainkan peranan penting dalam industri takaful di peringkat global dan juga secara tidak langsung mampu mempromosi Malaysia sebagai pusat industri kewangan Islam antarabangsa.

Antara objektif penstrukturan korporat Kumpulan MNRB pada tahun 2005 adalah untuk mengenal pasti alternatif-alternatif yang mampu menambahkan lagi punca-punca pendapatan Kumpulan. Takaful Semula telah dikenal pasti sebagai salah satu alternatif tersebut. Dalam usaha perlaksanaan ini, MNRB telah membuat permohonan kepada Bank Negara Malaysia untuk menjalankan perniagaan Takaful Semula secara komposit dan kelulusan telah di beri oleh Bank Negara Malaysia pada 15 September 2006.

Berikutan itu, pada 27 Disember 2006, MNRB Retakaful telah ditubuhkan sebagai anak syarikat milik penuh MNRB. Modal dibenarkan ialah RM500 juta dan modal berbayar akan ditambah kepada RM100 juta sebaik sahaja operasi perniagaan dimulakan.

Sebagai satu pendekatan sinergi, MNRB Retakaful akan memanfaatkan kepakaran dan sumber dalaman Kumpulan dan akan berkongsi fungsi-fungsi yang bukan teras untuk mengurangkan kos operasi. Fokus awal Syarikat adalah untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat takaful di Malaysia dan di beberapa pasaran luar negara bertujuan membantu meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehan pengunderaitan mereka.

Memandangkan Syarikat masih baru dalam industri ini sudah pasti rintangan yang akan di hadapi adalah lebih mencabar dan juga menjadi satu proses atau keluk pembelajaran yang perlu dilalui oleh Syarikat di masa akan datang.

Dengan bertambahnya pengetahuan orang ramai mengenai takaful berserta kepelbagaian produk yang ditawarkan melalui pelbagai saluran penjualan industri ini dijangka akan terus berkembang pesat. Justeru itu, pihak Syarikat menganggap cabaran utama yang perlu ditangani adalah merubah corak pemikiran yang sering membandingkan Takaful Semula dengan insurans semula konvensional yang sememangnya telah lebih maju dalam semua segi. MNRB Retakaful merancang untuk menawarkan beberapa produk alternatif dan penyelesaian yang lebih komprehensif dan juga bercadang untuk membentuk dan melahirkan tenaga professional yang pakar dalam bidang-bidang berkaitan dengan Takaful Semula.

Strategi MNRB Retakaful adalah untuk memahami dengan lebih jelas keperluan setiap pasaran dan seterusnya menawarkan penyelesaian yang sesuai bagi memenuhi keperluan tersebut. Selain dari Malaysia, pasaran sasaran adalah negara-negara ASEAN, Benua Kecil India dan rantau MENA (Timur Tengah dan Afrika Utara). Potensi takaful dan Takaful Semula untuk lebih berkembang adalah besar, terutamanya apabila sistem kewangan Islam berjaya diintegrasikan dengan sistem kewangan global. Dengan bertambahnya interaksi di peringkat antarabangsa, kerjasama erat dan gabungan strategik di antara institusi kewangan Islam, pihak berkuasa dan organisasi yang berkaitan, dapat mempercepatkan lagi proses penyeragaman peraturan, norma dan amalan di dalam industri takaful. Tidak dinafikan lagi bahawa MNRB Retakaful akan menyumbang secara aktif kepada usaha untuk merealisasikan impian ini.



ISMAIL MAHBOP

Ismail Mahbob, menyertai MNRB Retakaful Berhad pada 15 Mei 2007 sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif bagi MNRB Retakaful Berhad. Ismail memulai kerjayanya dalam industri insurans pada 1977 sebagai Eksekutif Perakaunan dengan sebuah broker. Beliau kemudiannya menyertai Progressive Insurance Sdn. Bhd. dan berkhidmat dengan syarikat tersebut dari 1979 sehingga 1988 di mana beliau menjawat jawatan Pengurus Cawangan bagi Cawangan Kota Kinabalu. Beliau seterusnya berpindah ke American Malaysian Insurance sebagai Timbalan Pengurus Besar yang mengawasi pengoperasian pejabat cawangan. Pada tahun 1990, Ismail meninggalkan syarikat ini untuk menyertai Malene Insurance Brokers sebagai broker kanan di mana beliau menerajui Bahagian Bukan Tenaga selama enam tahun sebelum beliau menyertai Labuan Reinsurance (L) Ltd., pada tahun 1997 sebagai Naib Presiden Kanan. Di Labuan Re, Ismail diamanahkan untuk membangunkan pasaran baru bagi syarikat tersebut yang meliputi negara Benua Kecil India, Benua Afrika dan Timur Tengah termasuk Turki. Beliau turut memimpin Jabatan Takaful Semula bagi Labuan Re.



NOR AZMAN NUSI

Nor Azman Nusi adalah Naib Presiden Kanan bagi MNRB Retakaful Berhad. Beliau memiliki kelulusan Diploma dalam Associate General Studies dari Indiana University, Amerika Syarikat dan kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam Matematik dan Statistik di University of Georgia, Athens, Amerika Syarikat. Beliau memulakan kerjaya beliau dengan Hannover Rückversicherungs Cawangan Malaysia pada tahun 1992. Beliau menghabiskan 8 tahun di syarikat tersebut di mana beliau dilatih dalam semua aspek Perakaunan dan Penajajaminan Insurans Semula. Dari penaja jaminan, beliau menerokai industri pembrokeran insurans semula di mana dalam 7 tahun yang berikut, beliau telah berkhidmat dengan 3 broker insurans semula profesional, iaitu, Aon Re Malaysia, Guy Carpenter, Labuan dan BMS Asia Intermediaries Ltd. Beliau menerajui BMS Asia Retakaful Broking Company sebelum menyertai MNRB Retakaful Berhad pada bulan Januari 2007.